



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERSPEKTIF PELAJAR PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (PAKK) TERHADAP AMALAN PENGAJARAN PENSYARAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NORRULKAMARI DAUD

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERSPEKTIF PELAJAR PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (PAKK)
TERHADAP AMALAN PENGAJARAN PENSYARAH**

NORRULKAMARI DAUD



05-4506832



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**



Perpustakaan Tuanku Bainun



ptbupsi

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada10.....(hari bulan)Jun..... (bulan) 20.....21.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, Norrulkamari Binti Daud (M20171000212) Fakulti Pembangunan Manusia (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Perspektif Pelajar Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) Terhadap Amalan Pengajaran Pensyarah

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Nordin Bin Mamat (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Perspektif Pelajar Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) Terhadap Amalan Pengajaran Pensyarah

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Perspektif Pelajar Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK)
Terhadap Amalan Pengajaran Pensyarah

No. Matrik / Matric's No.: M20171000212

Saya / I : NORRULKAMARI BINTI DAUD

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official
Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 23/06/2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period
and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya akhirnya saya dapat menyiapkan kajian ilmiah ini dengan sempurnanya.

Sekalung penghargaan yang tidak terhingga ingin saya ucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia kajian saya, Prof Madya Dr. Nordin Bin Mamat yang banyak membantu dan meluangkan masa sepanjang memberi bimbingan, arahan, semangat dan dorongan sehingga saya dapat menyiapkan kajian ilmiah ini dalam masa yang ditetapkan.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan khas kepada semua pensyarah Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak dan pihak pengurusan Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang selama ini telah banyak memberi ilmu sepanjang tempoh pengajian saya dan membantu saya dalam proses menyiapkan kajian ini, segala tunjuk ajar dan jasa tidak akan saya lupakan. Semoga kelak mendapat ganjaran yang baik daripada Ilahi hendakNya.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga saya atas segala sokongan dan semangat yang diberikan kepada saya selama ini dalam proses menyiapkan kajian ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada arwah suami saya, Muhammad Alif Bin Derasa atas kata-kata nasihat dan semangat yang selalu diberikan kepada saya selama hayatnya dulu yang membuatkan hati saya terus kuat dan cekal dalam menyiapkan kajian yang penuh makna ini.

Akhir kata, saya berharap semoga kajian ilmiah ini dapat memberi manfaat kepada semua dalam memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran dalam usaha menerajui pendidikan abad ke-21.





ABSTRAK

Dalam kajian ini, pengkaji mengenalpasti perspektif pelajar pendidikan awal kanak-kanak terhadap amalan pengajaran pensyarah. Responden kajian adalah seramai 297 orang iaitu pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak semester 4 dan semester 5. Reka bentuk kajian ialah kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen kajian ini menggunakan borang soal selidik lima skala likert yang berfokus kepada tiga konstruk utama iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran dan masa. Analisis deskriptif, ujian-t dan korelasi digunakan melalui perisian SPSS versi 20.0. Nilai alpha Cronbach bagi keseluruhan ítem yang dibina ialah 0.942. Hasil kajian mendapati kualiti pengajaran mencatatkan min tertinggi iaitu 4.58 bagi ítem bahan pembelajaran dimuatnaik dalam MyGuru, manakala min terendah iaitu 4.12 bagi item pensyarah menggunakan kepelbagai ABM dalam pelaksanaan PdP. Selain itu, hasil ujian-t pula menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara perspektif pelajar semester 4 dan semester 5 bagi ketiga-tiga konstruk, dengan nilai p bagi tahap kualiti pengajaran $p>0.05 = 0.287$, kesesuaian aras pengajaran $p>0.05 = 0.446$ dan masa $p>0.05 = 0.149$. Manakala kekuatan hubungan antara dua pembolehubah adalah kuat iaitu hubungan kualiti pengajaran dengan kesesuaian aras pengajaran dengan nilai r adalah 0.780 , $p>0.05$, manakala hubungan kualiti pengajaran dengan masa ialah $r = 0.783$, $p>0.05$ dan hubungan kesesuaian aras pengajaran dengan masa, $r = 0.724$, $p>0.05$. Kesimpulannya, ketiga-tiga konstruk adalah mempengaruhi tahap amalan pengajaran pensyarah. Melalui kajian ini dicadangkan agar pensyarah lebih kreatif menggunakan ABM yang bersesuaian dengan aktiviti PdP. Implikasinya, pensyarah seharusnya meneruskan amalan pengajaran sedia ada bagi meningkatkan keberkesanan PdP serta berkemahiran dalam mengendalikan PdP dengan lebih berkesan.

Kata Kunci: *Amalan pengajaran, kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, masa*





PERSPECTIVES OF EARLY CHILDHOOD EDUCATION STUDENTS ON THE TEACHING PRACTICES OF LECTURERS

ABSTRACT

In this study, the researcher identified the perspectives of early childhood education students on the teaching practices of lecturers. The respondents of the study were 297 people, namely Diploma in Early Childhood Education students, semester 4 and semester 5. The design of the study was quantitative using survey method. The instrument of this study uses a five -Likert scale questionnaire that focuses on three main constructs namely teaching quality, appropriateness of teaching level and time. Descriptive analysis, t-test and correlation were used through SPSS software version 20.0. The Cronbach's alpha value for the entire constructed item was 0.942. The results of the study found that the quality of teaching recorded the highest mean of 4.58 for items of learning materials uploaded in MyGuru, while the lowest mean of 4.12 for items of lecturers using a variety of learning aids (ABM) in the implementation of Teaching and Learning (TaL). In addition, the results of t-test showed no significant difference between the perspectives of semester 4 and semester 5 students for all three constructs, with p values for teaching quality level $p>0.05 = 0.287$, level appropriateness $p>0.05 = 0.446$ and time $p>0.05 = 0.149$. While the strength of the relationship between the two variables is strong, namely the relationship between teaching quality and teaching level suitability with r value is 0.780, $p>0.05$, while the relationship between teaching quality and time is $r = 0.783$, $p>0.05$ and teaching level suitability relationship with time, $r = 0.724$, $p>0.05$. In conclusion, all three constructs influence the level of teaching practice of lecturers. Through this study, it is suggested that lecturers be more creative in using ABM that is appropriate for TaL activities. The implication is that lecturers should continue with existing teaching practices to increase the effectiveness of TaL as well as be skilled in handling TaL more effectively.

Keywords: Teaching practices, quality of teaching, appropriateness of teaching level, time



**KANDUNGAN****MUKA SURAT**

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

**BAB 1 PENGENALAN**

1. 1 Pendahuluan	1
1. 2 Latar Belakang	2
1. 3 Pernyataan Masalah	6
1. 4 Objektif Kajian	9
1. 5 Persoalan Kajian	10
1. 6 Hipotesis Kajian	11
1. 7 Kerangka Teori Kajian	12
1. 8 Kerangka Konseptual	13
1.9 Definisi Operasional	14
1.9.1 Amalan Pembelajaran Abad ke-21	15
1.9.2 Amalan Pengajaran	17
1.9.3 Pensyarah	18





1.9.4 Pelajar	18
1.9.5 Kualiti Pengajaran	19
1.9.6 Kaedah Pengajaran	20
1.9.7 Alat Bantu Mengajar (ABM)	20
1.9.8 Kesesuaian Aras Pengajaran	21
1.9.9 Masa	22
1.10 Batasan Kajian	23
1.11 Kepentingan Kajian	24
1.12 Kesimpulan	26

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	27
2.2 Pembelajaran Abad ke-21	28
2.3 Teori-teori Yang Mendasari Kajian	29
2.3.1 Teori Konstruktivisme	29
2.4 Model Standard Guru Malaysia (SGM)	31
2.5 Model <i>Blended Learning</i>	35
2.6 Amalan Pengajaran Berkesan	38
2.7 Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	41
2.7.1 Peranan pensyarah	41
2.7.2 Kualiti Pengajaran	43
2.7.3 Kaedah Pengajaran	45
2.7.4 Alat Bantu Mengajar (ABM)	49
2.7.5 Kesesuaian Aras Pengajaran	52
2.7.6 Masa	53
2.8 Kajian-kajian Lepas	53





2.9 Kesimpulan	58
----------------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	60
3.2 Reka Bentuk dan Kaedah Kajian	61
3.3 Populasi Kajian	62
3.4 Sampel Kajian	63
3.5 Instrumen Kajian	65
3.5.1 Pembinaan Instrumen Soal Selidik	66
3.6 Kajian Rintis	69
3.6.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan	70
3.7 Tatacara Pemerolehan Data	72
3.8 Analisis Data	72
3.9 Kesimpulan	71

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	76
4.2 Analisis Dapatan Kajian Berdasarkan Latar Belakang Responden	77
4.2.1 Latar belakang mengikut peringkat umur	77
4.2.2 Latar belakang mengikut semester pengajian	78
4.2.3 Latar belakang mengikut jantina	79
4.3 Analisis Dapatan Kajian Berdasarkan Latar Belakang Pensyarah	79
4.3.1 Latar belakang pensyarah mengikut kelayakan akademik	80
4.3.2 Latar belakang pensyarah mengikut jantina	80
4.4 Analisis Dapatan Berdasarkan Persoalan Kajian	81
4.4.1 Tahap Amalan Pengajaran Pensyarah	82
4.4.2 Perbezaan Antara Semester Pengajian Pelajar	101





4.4.3 Hubungan Antara Amalan Pengajaran Pensyarah	106
---	-----

4.5 Rumusan	109
-------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	110
----------------	-----

5.2 Ringkasan Kajian	111
----------------------	-----

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian Mengikut Soalan Kajian	112
--	-----

5.3.1 Persoalan 1	112
-------------------	-----

5.3.2 Persoalan 2	115
-------------------	-----

5.3.3 Persoalan 3	116
-------------------	-----

5.4 Implikasi Kajian	118
----------------------	-----

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	120
------------------------------	-----

5.6 Rumusan	122
-------------	-----





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.4	Penentuan Saiz Sampel	64
3.5.1	Skala Likert bagi Menentukan Tahap Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Pensyarah	68
3.6	Dapatkan Nilai Kebolehpercayaan Melalui Kajian Rintis	70
3.6.1	Tahap Kebolehpercayaan Menggunakan Pekali Alpha Cronbach	71
3.8.1	Tahap Pengelasan Skor Min	73
3.8.2	Interpretasi Nilai Korelasi	74
4.2.1	Taburan Kekerapan dan Peratus Mengikut Peringkat Umur Responden	78
4.2.2	Taburan Kekerapan dan Peratus Mengikut Semester Pengajian Responden	78
4.2.3	Taburan Kekerapan dan Peratus Mengikut Jantina Responden	79
4.3.1	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Kelayakan Akademik Pensyarah	80
4.3.2	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Jantina Pensyarah	81
4.4.1.1(i)	Kekerapan dan Tahap Min Amalan Pengajaran Pensyarah Berdasarkan Aspek Kualiti Pengajaran (Isi Kandungan)	85
4.4.1.1(ii)	Kekerapan dan Min Amalan Pengajaran Pensyarah Berdasarkan Aspek Kualiti Pengajaran (Kaedah Pengajaran)	89
4.4.1.1(iii)	Kekerapan dan Min Amalan Pengajaran Pensyarah Berdasarkan Aspek Kualiti Pengajaran (Alat Bantu Mengajar)	92
4.4.1.2	Kekerapan dan Min Amalan Pengajaran Pensyarah Berdasarkan Aspek Kesesuaian Aras Pengajaran	96
4.4.1.3	Kekerapan dan Min Amalan Pengajaran Pensyarah Berdasarkan Aspek Masa	100





4.4.2.2(i)	Perbezaan Persepsi Pelajar PAKK Mengikut Semester Pengajian Terhadap Pengajaran Pensyarah Berdasarkan Aspek Kualiti Pengajaran (Isi Kandungan)	102
4.4.2.2(ii)	Perbezaan Persepsi Pelajar PAKK Mengikut Semester Pengajian Terhadap Pengajaran Pensyarah Berdasarkan Aspek Kualiti Pengajaran (Kaedah Pengajaran)	103
4.4.2.2(iii)	Perbezaan Persepsi Pelajar PAKK Mengikut Semester Pengajian Terhadap Pengajaran Pensyarah Berdasarkan Aspek Kualiti Pengajaran (ABM)	104
4.4.2.2	Perbezaan Persepsi Pelajar PAKK Mengikut Semester Pengajian Terhadap Pengajaran Pensyarah Berdasarkan Aspek Kesesuaian Aras Pengajaran	105
4.4.2.3	Perbezaan Persepsi Pelajar PAKK Mengikut Semester Pengajian Terhadap Pengajaran Pensyarah Berdasarkan Aspek Masa	106
4.4.3.1	Hubungan Korelasi antara Kualiti Pengajaran dengan Kesesuaian Aras Pengajaran	107
4.4.3.2	Hubungan Korelasi antara Kualiti Pengajaran dengan Masa	108
4.4.3.3	Hubungan Korelasi antara Kesesuaian Aras Pengajaran dengan Masa	109





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.2 Model Abad ke-21 Keberhasilan Pelajar dan Sistem Sokongan	6
1.7 Model Input-Output Pengajaran Berkesan	13
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	14
2.4 Model Standard Guru Malaysia	32
2.5 Model ‘Blended Learning’	36





SENARAI SINGKATAN

AACTE	<i>American Association of Colleges for Teacher Education</i>
ABM	Alat Bantu Mengajar
AKEPT	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi
CD	<i>Compact Disk</i>
DVD	<i>Digital Versatile Disk</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAKK	Pendidikan Awal Kanak-kanak
PBL	<i>Problem-Based Learning</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RBT	Reka Bentuk dan Teknologi
SGM	Standard Guru Malaysia
SITC	<i>Sultan Idris Training College</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





BAB 1

PENGENALAN



1. 1 Pendahuluan

Dalam bab pertama ini, pengkaji akan mengupas kajian tentang perspektif pelajar Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) terhadap amalan pengajaran pensyarah. Kajian ini melibatkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis, kerangka teori, kerangka konseptual, definisi operasional, batasan kajian dan juga kepentingan kajian yang berkenaan dengan perspektif pelajar PAKK terhadap amalan pengajaran pensyarah.





1. 2 Latar Belakang

Malaysia mengamalkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (1988) yang mana merupakan satu langkah yang berterusan dalam meningkatkan lagi kebolehan diri individu yang bersifat holistik dan berintegrasi bagi mewujudkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial dengan berasaskan kepercayaan dan kepatuhan pada Tuhan. Melalui matlamat utama FPK ini, Malaysia berusaha menjadikan sebuah negara yang bertaraf dunia dengan menyasarkan bidang pendidikan menjadi satu bidang yang penting dalam kehidupan rutin terutamanya di sekolah-sekolah dan juga berfungsi sebagai pusat penyebaran ilmu. Pendidikan yang bersifat global seharusnya mempunyai wawasan yang tinggi dalam menghasilkan generasi yang mengamalkan budaya berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif



Pendidikan guru yang bermula dengan wujudnya maktab perguruan pertama iaitu pada tahun 1922 yang dikenali sebagai *Sultan Idris Training College* (SITC). Pelbagai usaha yang berterusan telah dilaksanakan oleh kerajaan pada ketika itu melalui penubuhan beberapa maktab perguruan dan universiti. SITC menjadi semakin berkembang dengan adanya pelbagai penawaran kursus perguruan bagi menghasilkan graduan yang berilmu dan berakhhlak mulia. Kini, SITC tersebut dikenali sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang menjadi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terlibat dalam melahirkan graduan terutamanya dalam bidang pendidikan termasuk menyediakan bakal guru dalam program pendidikan awal kanak-kanak bermula di peringkat Diploma sehingga Doktor Falsafah. Setiap pelajar yang mengambil program Diploma PAKK menjalani pengajian di UPSI mengikuti elemen





kurikulum latihan mengajar (Praktikum) seperti mana ianya menjadi syarat utama untuk pelajar bergraduat. Peluang pelajar untuk menjalani latihan mengajar ini merupakan satu medan perjuangan bagi setiap guru pelatih iaitu melaksanakan aktiviti-aktiviti amali dengan berasaskan teori-teori yang telah dipelajari selama pengajian serta mampu membina model PdP yang berkesan (Aziz Omar, 2011).

Oleh yang demikian, guru pelatih yang menjalani latihan mengajar di taska dan tadika yang bertanggungjawab sebagai guru untuk mengaplikasikan apa yang dipelajari mereka sewaktu belajar di UPSI. Guru adalah insan yang sangat penting dalam sesebuah organisasi pendidikan. Hal ini kerana guru memainkan peranan yang begitu tinggi dalam mencapai hasrat dan cita-cita Malaysia dalam bidang pendidikan seperti mana pelaksanaan Pakej Kerjaya Guru yang telah diperkenalkan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Melalui gelombang pertama (2013-2015) PPPM dengan memberi penekanan kepada peningkatan standard profesionalisme guru dengan menyediakan keperluan guru iaitu peluang dan sokongan yang baik bagi memantapkan lagi kemahiran dan kemajuan mereka dalam pekerjaan.

Dalam sesebuah institusi pendidikan, apa yang menjadikan pendorong penting ialah peranan pensyarah dalam melaksanakan Pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan mencorakkan modal insan mengikut acuan yang betul. Menurut Ramlah Jantan (2016), apa yang dapat difahami tentang pengurusan PdP yang terancang dan sistematik ialah mampu menimba pengetahuan baru, mengembangkan pembudayaan secara saintifik, mencetuskan idea yang kreatif dan inovatif, membangunkan kebolehan manusia menjadi lebih mampan serta menyebarkan maklumat dengan



berkesan. Bagi menghasilkan kualiti pendidikan yang baik, pelbagai strategi perlu dilaksanakan dan salah satunya ialah pengajaran pensyarah itu sendiri seharusnya berkualiti bukan disebabkan oleh faktor pelajar.

Pada abad ke-21 ini, *P21 Framework Definitions* (2015) telah dirangka oleh *Partnership for 21st Century* iaitu satu model atau rangka kerja bagi abad ke-21 bagi menyatupadukan kemahiran dalam PdP abad ke-21 ini. Model ini menintegrasikan pelbagai kemahiran yang harus dikuasai oleh pendidik khasnya yang menekankan beberapa elemen atau konstruk PdP abad ke-21. Selain itu, model ini juga menyepadukan sistem sokongan dengan pelbagai komponen keberhasilan pelajar abad ke-21 (*21st Century Students Outcomes and Support Systems*), antaranya kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, refleksi, kolaborasi, pentaksiran, penyelesaian masalah, penggunaan teknologi serta kemahiran inovasi dan kreativiti.


Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah meletakkan satu matlamat dan impian pendidikan bagi menyediakan generasi muda yang dapat membangunkan negara dengan baik. Bagi mencapai hasrat pendidikan ke arah abad ke-21, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggubal kurikulum kebangsaan untuk mewujudkan pelajar yang holistik dalam setiap aspek, berdaya tahan, semangat ingin tahu, mempunyai prinsip, bermaklumat, penyayang, bersemangat patriotik, mempunyai daya kemahiran berfikir yang tinggi, mampu berkomunikasi dan bekerja dalam pasukan dengan efektif (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025). Inisiatif yang dilakukan oleh KPM adalah menggalakkan lahirnya modal insan yang berkualiti yang holistik. Kemahiran yang diterapkan dalam abad ke-21 sangat diperlukan dalam memenuhi pasaran kerja dunia



pada masa kini (Pukelis, Pilecikiene & Tewari, 2010) dan sangat perlu dibangunkan melalui sistem pendidikan negara.

Bagi menjelaskan setiap aspek yang dinyatakan berdasarkan Rajah 1.2 di bawah, iaitu kemahiran berfikir secara kritikal, yang mana individu itu mampu membuat keputusan dengan efektif seperti kemahiran menganalisis, membuat penilaian, hujah-hujah dan kepercayaan serta memberi gambaran secara kritikal berdasarkan pengalaman pembelajaran dan juga berlakunya sesuatu proses. Selain itu, bagi aspek kemahiran kreatif pula, seseorang individu itu mampu menggunakan beberapa teknik dalam mencipta idea dan berkomunikasi dengan lebih berkesan melalui idea-idea baru kepada orang lain, tambahan kemahiran kolaborasi dan komunikasi dapat membantu kejayaan pelajar dalam proses PdP abad ke-21. Peranan pensyarah dalam membantu pelajar dapat mengaitkan maklumat baru melalui usahasama dengan pemindahan dan pengalaman kepada situasi yang baru. Hal ini kerana dapat meningkatkan harga diri dan personaliti yang lebih baik, iaitu hasil perkongsian maklumat dengan kawan sebaya dan juga pensyarah dalam pelaksanaan PdP abad ke-21. Oleh itu, apa yang ingin difokuskan dalam kajian ini terhadap amalan pengajaran pensyarah PAKK yang menggunakan elemen abad ke-21 iaitu berfikir secara kritis dan juga penyelesaian masalah, komunikasi dan kolaborasi, kreativiti dan inovasi, penggunaan teknologi, fleksibiliti, berinisiatif dan juga berkemahiran sosial.





Rajah 1.2. Model Abad ke-21 Keberhasilan Pelajar dan Sistem Sokongan

Menurut Nasir dan Yunus (2016), kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran yang harus dikuasai oleh pelajar bagi menghadapi cabaran dalam situasi kehidupan sebenar untuk menjadi seorang modal insan yang berkualiti. Tambahan, dalam melalui arus pemodenan kini perlu seiring dengan perkembangan pendidikan seperti mana yang dihasratkan melalui PPPM (2013-2025). Oleh itu, PdP abad ke-21 menjadikan pensyarah berfikir, merancang pelbagai strategi, membuat penilaian, merekacipta dan juga membuat keputusan yang berlatarkan Model *Partnership for 21st Century* (2015).

Kajian ini dijalankan kerana terdapat masalah yang didapati dalam kalangan pensyarah iaitu dari aspek memberi kefahaman, kemahiran dan kesediaan mereka dalam memberi input sewaktu PdP sebagaimana yang diperlukan dalam PdP abad ke-



21 yang memfokuskan elemen-elemen kemahiran seperti berfikir secara kritikal, kolaborasi, kreativiti dan komunikasi. Matlamat institusi pendidikan guru iaitu melahirkan guru terutamanya dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang dapat melengkapkan diri dengan baik apabila menghadapi situasi sebenar dan menjadi guru yang berkemahiran pada abad ke-21. Menerusi Jabatan Perangkaan Malaysia (2016), guru prasekolah telah bertambah dari 7510 orang pada tahun 2012 kepada 8894 orang pada tahun 2016. Hal ini kerana peningkatan pasaran guru PAKK telah menimbulkan persoalan samaada guru tersebut dapat menguasai kemahiran abad ke-21, pada masa yang sama dapat mencapai objektif kurikulum. Oleh yang demikian, isu ini membuktikan tiada pendedahan tentang kemahiran dan pengetahuan kepada bakal guru yang diperlukan (Ismail & Mahamod, 2016) dalam mencapai hasrat ke arah abad ke-21.



Melalui keberkesanan pensyarah dalam mengendalikan proses PdP iaitu dengan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik mampu menjadikan pembelajaran pelajar dapat mencapai hasil pembelajaran dengan baik. Kelemahan pengajaran pensyarah dinyatakan oleh Rosmizana Yahya (2015) dalam Nazurah dan Khadijah (2018), iaitu kebanyakan pensyarah tidak menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang berkesan. Hal ini dapat dikukuhkan melalui kajian oleh Evans dan Kozhevnikova (2011) dalam Hei et. al. (2016) yang mendapati kepercayaan pendidikan pensyarah dan teori seseorang individu terhadap PdP sangat mempengaruhi amalan di bilik darjah. Tambahan juga dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Miranda, Jan-Willem, Ellen dan Wilfried (2014) dalam Hei et. al (2016), menegaskan perbezaan kepercayaan mendorong kepada amalan pengajaran seseorang pensyarah.





Kelayakan guru pendidikan awal kanak-kanak adalah sekurang-kurangnya berkelayakan diploma seperti yang disarankan dalam PPPM 2013-2025. Keadaan ini berlaku dan dibuktikan melalui kajian Yip Chan Ling (2017), kelayakan guru pendidikan awal kanak-kanak masih menjadi isu (Zahyah, Subadrah & Sopia, 2017) dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Dalam usaha ke arah abad ke-21, kelayakan guru perlu dipertingkatkan melalui sistem pendidikan supaya dapat meningkatkan profesionalisme guru (Noor & Leong, 2016). Namun begitu, dalam penyediaan profesionalisme, guru kurang membincangkan unsur-unsur pengetahuan dan kemahiran ke arah abad ke-21. Dalam kajian Sharma et al. (2008) menyatakan masih kekurangan kajian berkaitan bakal guru dalam menyediakan proses pengajaran kepada kepelbagaian pelajar. Kepelbagaian pengajaran merupakan elemen pembelajaran abad ke-21 yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan untuk mengaplikasikannya. Tinjauan awal yang dilakukan oleh *American Association of Colleges for Teacher Education* [AACTE] (2010) menunjukkan bahawa pelajar masih gagal menghubungkaitkan pembelajaran teori, penyediaan dan mengamalkan konteks profesional guru dalam bilik darjah.

Melalui penerapan nilai-nilai positif dalam melahirkan generasi yang berpengetahuan, guru pelatih menjadi pelapis dalam menjadikan anak bangsa yang penuh dengan ilmu pengetahuan dan juga akhlak mulia (Syed Khalid & Isha, 2016). Justeru itu, pensyarah perlu memainkan peranan dalam menyampaikan ilmu kepada guru pelatih supaya mereka mempunyai keupayaan yang tinggi dalam memindahkan ilmu kepada anak didik mereka. Hal ini dapat dirujuk melalui kajian Aimi dan Faridah (2016) yang mana pensyarah Matematik menghadapi masalah dalam memilih strategi yang sesuai untuk mengajar pelajar semasa di dalam kelas (Morris & Hiebert, 2009),





masalah pengetahuan isi kandungan Matematik (Ismail & Wantrudis, 2012), masalah pemilihan strategi pengajaran dan pembelajaran (Mohamad Maliki Ali et. al., & Schoenfeld, 2011) dan juga masalah pengetahuan konsep dan pedagogi (Morris & Hiebert, 2009). Hal ini menunjukkan kurangnya pengetahuan dalam diri pensyarah tersebut dan masalah ini yang seharusnya dibendung sejak mulanya lagi.

Berdasarkan isu-isu utama tersebut, pengkaji melihat kepada jurang yang terdapat dalam Program Diploma PAKK dalam melahirkan pelajar ke arah penguasaan kemahiran abad ke-21. Sehubungan dengan itu, penggabungan pengetahuan dan kemahiran guru merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran. Melalui kemahiran abad ke-21 mampu melahirkan pelajar berjaya dalam kehidupan. Pengetahuan dan kemahiran adalah antara elemen yang perlu diterokai supaya dapat melahirkan guru yang profesional dalam melahirkan generasi masa hadapan yang lebih berdaya saing pada abad ke-21.

1. 4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan di atas, pengkaji melaksanakan kajian ini dengan beberapa objektif seperti berikut:





1. Mengenalpasti perspektif pelajar PAKK terhadap pengajaran pensyarah berdasarkan aspek;
 - a) Kualiti pengajaran;
 - b) Kesesuaian aras pengajaran;
 - c) Masa.
2. Mengenalpasti wujud perbezaan antara semester pengajian pelajar terhadap amalan pengajaran pensyarah.
3. Mengenalpasti hubungan antara ketiga-tiga aspek kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran dan masa dengan amalan pengajaran pensyarah.



Dalam kajian ini, pengkaji meninjau dan mengenalpasti perspektif pelajar PAKK terhadap amalan pengajaran pensyarah yang mana dapat dirumuskan melalui beberapa persoalan berikut:

1. Apakah perspektif pelajar PAKK terhadap pengajaran pensyarah berdasarkan aspek;
 - a) Kualiti pengajaran?
 - b) Kesesuaian aras pengajaran?
 - c) Masa?
2. Adakah wujud perbezaan antara semester pengajian pelajar terhadap amalan pengajaran pensyarah?





3. Adakah terdapat hubungan antara ketiga-tiga aspek kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran dan masa dengan amalan pengajaran pensyarah?

1. 6 Hipotesis Kajian

Kajian ini memperlihatkan kepada perspektif pelajar PAKK terhadap amalan pengajaran pensyarah. Oleh itu, terdapat beberapa hipotesis telah dibuat untuk menjawab segala persoalan kajian.

Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar PAKK mengikut pengajian semester terhadap pengajaran pensyarah berdasarkan



Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar PAKK mengikut pengajian semester terhadap pengajaran pensyarah berdasarkan kesesuaian aras pengajaran.

Ho 3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar PAKK mengikut pengajian semester terhadap pengajaran pensyarah berdasarkan aspek masa.

Ho 4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti pengajaran dengan kesesuaian aras pengajaran berdasarkan perspektif pelajar PAKK.

Ho 5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti pengajaran dengan masa berdasarkan perspektif pelajar PAKK.

Ho 6 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesesuaian aras pengajaran dengan masa berdasarkan perspektif pelajar PAKK.






1.7 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini menekankan kerangka kajian yang berfokus kepada tiga aspek utama iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran dan masa yang mana menjadi pembolehubah tidak bersandar manakala output pula ialah pencapaian PdP abad ke-21 adalah sebagai pembolehubah bersandar (Rajah 1.7).

Rajah 1.7 di bawah menunjukkan model input-output amalan pengajaran berkesan. Input yang difokuskan dalam kajian ini meliputi tiga konstruk utama iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran dan masa. Konstruk pertama iaitu kualiti pengajaran menfokuskan kepada tiga subkonstruk iaitu isi kandungan, kaedah pengajaran dan Alat Bantu Mengajar (ABM), manakala konstruk kedua iaitu kesesuaian aras pengajaran menfokuskan kepada perancangan isi pengajaran dan mengikut aras kebolehan pelajar, seterusnya konstruk ketiga iaitu masa pula menekankan proses *engaged time* dan *time-on-task*. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga konstruk ini menjadi punca utama kepada kejayaan pengajaran seseorang pendidik dan menghasilkan PdP yang berkesan dan berkualiti.






Rajah 1.7. Model Input-Output Pengajaran Berkesan

1.8 Kerangka Konseptual

Rajah 1.8 menunjukkan kerangka konsep kajian yang mengetengahkan tiga konstruk utama yang perlu diamalkan oleh pensyarah dalam menjadikan pengajaran berkesan pada abad ke-21 kini. Bagi setiap konstruk, masing-masing elemen yang difokuskan dalam kajian ini telah dinyatakan. Apa yang perlu difokuskan dalam pengajaran pensyarah pada abad ke-21 ini, kualiti pengajaran iaitu isi pelajaran, berinisiatif, fleksibiliti, *student-centered*, kreativiti dan inovasi serta penggunaan teknologi dalam pengajaran. Selain itu, kesesuaian aras pengajaran meliputi penyelesaian masalah dan mengikut Domain Kognitif Taksonomi Bloom manakala masa pula meliputi jadual waktu mengajar, pembelajaran *face-to-face* atau *non-face-to-face* dan juga pembelajaran teradun (*blended learning*).



Rajah 1.8. Kerangka Konseptual Kajian





1. 9 Definisi Operasional

Kajian ini mengetengahkan beberapa konsep dan juga istilah penting berhubung dengan kajian ini untuk mengumpul maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Definisi secara operasional dijelaskan bagi mengelak sebarang kekeliruan dalam pelaksanaan kajian ini.

1. 9.1 Pembelajaran Abad ke-21

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2018), pembelajaran abad ke-21 ialah proses pembelajaran yang berpusatkan murid yang berteraskan lima elemen utama iaitu elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika.

Elemen pertama iaitu elemen komunikasi yang mana berlaku interaksi antara guru murid, murid-murid dan murid bahan secara lisan dan bukan lisan bagi menyampaikan ilmu yang mereka faham dan berkongsi pengetahuan dengan rakan-rakan. Elemen kedua iaitu kolaboratif yang mana berlaku kerjasama dan muafakat antara guru dengan murid dan murid dengan murid secara aktif serta menyeluruh yang mana membolehkan pertukaran idea dan pandangan antara murid. Selain itu, elemen ketiga pemikiran kritis yang mana berlaku penerokaan pemikiran untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah. Elemen keempat kreativiti yang mana berlaku proses penjanaan idea aktiviti dan projek yang baharu, unik,



berguna dan berkualiti. Elemen terakhir nilai murni dan etika iaitu penerapan dan pemupukan nilai murni dan etika ke arah pembentukan jati diri nasional mengikut acuan Malaysia.

Melalui kajian ini, pengkaji mengambil kira kesemua elemen ini dengan bertunjangkan kepada tiga aspek menerusi kajian ini. Elemen komunikasi di bawah aspek kualiti pengajaran iaitu pensyarah perlu menjalankan PdP berpusatkan pelajar, yang mana berlaku komunikasi dua hala antara pelajar dengan pensyarah. Inilah yang dimaksudkan dengan pembelajaran abad ke-21. Penglibatan aktif pelajar dalam PdP sangat mencerminkan pensyarah dengan melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan dan efektif. Elemen kolaboratif dan pemikiran kritis juga di bawah aspek kualiti pengajaran. Apabila adanya penglibatan aktif pelajar dalam PdP, pensyarah mendorong dan menggalakkan pelajar dengan aktiviti yang menyeronokkan di samping memberi kefahaman kepada pelajar dalam menguasai topik pembelajaran. melalui kaedah pembelajaran secara berkumpulan (kolaboratif), pada masa yang sama melibatkan aktiviti penyelesaian masalah (pemikiran kritis). Menurut Khoiriyah (2016), pembelajaran kolaboratif mendorong pelajar memiliki tanggungjawab penuh terhadap aktiviti PdP secara berkelompok dan menyedari setiap peranannya dalam kumpulan tersebut yang mana mendorong kepada terbentuknya kepercayaan diri pelajar terhadap ahli kelompoknya.

Selain itu, elemen kreativiti dan pemupukan nilai murni dapat ditonjolkan melalui pengajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah sewaktu PdP. Pensyarah bersifat fleksibiliti dalam menggunakan kaedah dan ABM yang sesuai dengan aktiviti PdP, itu merupakan kreativiti pensyarah dan pada masa yang sama, nilai murni



diterapkan kepada pelajar sewaktu PdP. Secara keseluruhannya, kelima-lima elemen ini sangat penting dalam kajian ini dan pengkaji memfokuskannya di bawah aspek kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran dan masa.

1. 9.2 Amalan Pengajaran

Menurut Nurul Nadia Ismail (2015), amalan ialah sesuatu yang dilaksanakan mengikut rutin kebiasaan manakala pengajaran pula bermaksud hal-hal yang melibatkan mengajar, segala yang berkaitan dengan mengajar seperti cara mengajar dan aspek-aspek yang terlibat dengan proses mengajar. Selain itu, pengajaran juga merupakan satu proses penyampaian yang melibatkan penyampaian maklumat (Abd Ghafar, 2003) melalui kaedah dan teknik pengajaran yang dipilih. Kaedah pula peringkat di mana suatu teknik pengajaran itu diperaktikkan. Menurut Shahabudin Hashim *et. al*, (2003), pengajaran adalah aktiviti-aktiviti yang mempunyai matlamat yang ditentukan oleh pensyarah secara sengaja atau tidak bagi membantu pengajaran

Jadi, amalan pengajaran ialah kelakuan pensyarah dalam konteks interaksi dalam bilik darjah. Amalan mengikut konteks kajian ini ialah kelakuan yang menjadi kebiasaan pensyarah PAKK ketika menjalankan proses PdP. Hal ini bertepatan dengan adanya model SGM (2009) dan juga model yang diperkenalkan oleh Slavin iaitu pengajaran berkesan yang menekankan aspek model insan berkualiti melalui tiga pendekatan utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran (Lucky, 2018). Oleh tu, melalui kajian ini, amalan pengajaran ialah amalan yang menjadi rutin





pensyarah ketika melaksanakan proses PdP adakah seiring dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 atau tidak.

1.9.3 Pensyarah

Menurut Abd. Latif (2012), pensyarah dapat didefinisikan iaitu pendidik di universiti yang memberi kuliah. Pengajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah merupakan salah satu profesi yang mempunyai matlamat untuk membentuk insan yang sempurna agar peranan dan tanggungjawab dapat difahami oleh diri sendiri, masyarakat dan persekitarannya. Oleh yang demikian, skop pensyarah dirujuk pada aspek profesionalisme pendidik (Norma, 2014). Jadi, melalui kajian ini, pengkaji menggunakan istilah pensyarah bagi merujuk kepada staf akademik di UPSI yang mana memenuhi beberapa kriteria iaitu pensyarah yang mengajar Diploma PAKK dan mempunyai kelayakan akademik dalam PAKK iaitu bermula dengan Ijazah Sarjana Muda sehinggalah yang mempunyai Doktor Falsafah dalam bidang PAKK.

1.9.4 Pelajar

Menurut kamus pelajar edisi kedua (2015), pelajar merupakan orang atau anak yang sedang menuntut ilmu atau berpensyarah. Manakala menurut Buku Panduan Akademik Program Diploma dan Sarjana Muda KUiTTHO (2001), mengistilahkan pelajar ialah seseorang yang telah didaftarkan bagi mengikuti pengajian di universiti.





Oleh yang demikian, pelajar ialah individu yang mengikuti sesuatu proses pengajaran dalam jangka masa yang lama bagi memahami sesuatu yang dipelajari. Jadi, pengkaji memfokuskan pelajar dalam kajian ini iaitu pelajar semester empat dan semester lima dalam program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di UPSI.

1.9.5 Kualiti Pengajaran

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2005), kualiti ialah sesuatu pencapaian yang baik bagi merujuk kepada kecemerlangan sesuatu perkara yang lebih baik. Manakala kualiti pengajaran pula dapat didefinisikan keupayaan pensyarah dalam menyampaikan pengajaran, kemahiran atau konsep yang mudah difahami oleh pelajar, mudah diingat dan menyeronokkan pelajar untuk belajar sesuatu perkara. Menurut Sakarneh (2014), kualiti pengajaran pensyarah ialah satu proses PdP yang berkualiti yang berteraskan pengetahuan.

Oleh itu, apa yang ingin difokuskan oleh pengkaji tentang kualiti pengajaran dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada faktor isi kandungan, kaedah pengajaran dan penggunaan ABM dalam PdP dengan menekankan beberapa elemen iaitu *student-centered*, fleksibiliti, kreativiti, berinisiatif dan penggunaan teknologi dalam pengajaran.





1.9.6 Kaedah Pengajaran

Menurut Esah Sulaiman (2004), kaedah merupakan satu cara yang sistematik yang digunakan bagi mencapai matlamat dalam pengajaran dalam satu jangka masa yang pendek. Bagi memperoleh kaedah pengajaran yang sesuai dengan tajuk pengajaran, pensyarah perlu merancang dengan teliti iaitu dari segi pemilihan kaedah yang sesuai dengan topik, saiz kelas dan juga tahap kemajuan serta kebolehan pelajar. Pemilihan pendekatan yang sesuai diterapkan dengan baik sewaktu PdP adalah sangat penting. Sebaik-baik kaedah dan teknik yang dipilih mestilah lebih berpusatkan pelajar, Hal ini kerana pelajar lebih aktif sewaktu PdP (Shahabuddin, Rohizan & Zohir, 2006).



Oleh itu, apa yang ingin difokuskan oleh pengkaji tentang kaedah pengajaran ^{tbupsi} iaitu pelaksanaan PdP yang berteraskan *student-centered*, kreativiti dan berinisiatif dalam melaksanakan pengajaran.

1.9.7 Alat Bantu Mengajar (ABM)

Peranan pensyarah dalam usaha mencapai keberhasilan objektif PdP adalah menggunakan pelbagai ABM yang sesuai dengan aktiviti pengajaran yang berfungsi sebagai sumber pengetahuan dan alat dalam pembelajaran. Miomira (2015) mendefinisikan ABM ialah objek yang berbentuk, hasil tangan manusia yang mana digunakan untuk membantu proses PdP dan juga menjadi sumber pengetahuan dan





pembelajaran. Dengan kata lain, ABM ialah sumber pengetahuan tertentu yang digunakan dalam proses pengajaran (Ensiklopedia Pedagogi, 1989).

Menurut Miomira (2015) lagi, terdapat beberapa ABM visual yang biasanya digunakan dalam PdP seperti buku teks, ilustrasi, gambar, buku, majalah manakala ABM pendengaran seperti perakam suara dalam bentuk *Compact Disk* (CD) yang tersedia dengan buku teks atau CD. Selain itu, alat pengajaran berbentuk audio visual berbentuk *Digital Versatile Disk* (DVD) berfungsi sebagai bahan yang digunakan dalam metodologi pembelajaran. Jadi, alat bantu mengajar ialah apa-apa yang digunakan oleh pelajar dalam PdP.

Oleh yang demikian, penggunaan ABM atau bahan pengajaran yang digunakan oleh pensyarah dalam kajian ini adalah lebih kepada keperluan penggunaan ABM selaras dengan pembelajaran abad ke-21 yang mana menggunakan teknologi dalam PdP iaitu dari segi kemahiran atau pengurusan mengendalikan teknologi dalam PdP dengan berkesan. Selain itu juga, kepelbagaiannya dalam menggunakan ABM yang sesuai dengan PdP seperti penggunaan laptop, *smart LCD projector*, *portable wireless speaker*, *smart phone*, *wireless presenter*, *portable scanner*, *smartboard*, *mouse scanner* dan sebagainya.

1.9.8 Kesesuaian Aras Pengajaran

Kesesuaian aras pengajaran iaitu pengajaran pensyarah haruslah sesuai dengan keupayaan dan kebolehan seseorang pelajar (Faizal, Faisol & Zulkifli, 2014). Sebagai





contoh, sekiranya pensyarah menggunakan aras pengajaran yang tinggi, maka pengajaran tersebut tidak dapat diikuti dengan baik oleh pelajar dan menyebabkan kegagalan bagi pensyarah untuk mencapai objektif pengajaran. Namun, penggunaan tahap pengajaran yang rendah pula memberi kesan kepada pelajar yang lebih pintar iaitu kurang memberi perhatian kepada pengajaran pensyarah.

Jadi, kajian ini adalah untuk mengenalpasti pengajaran pensyarah PAKK adalah bersesuaian dengan aras kebolehan berfikir bagi pelajar Diploma PAKK di UPSI. Oleh itu, apa yang ingin difokuskan oleh pengkaji tentang kesesuaian aras pengajaran dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada faktor perancangan isi pengajaran dan mengikut aras kebolehan pelajar dalam PdP dengan menekankan beberapa elemen iaitu fleksibiliti, *blended-learning*, penyelesaian masalah dan soalan-soalan lebih menjurus kepada aras domain kognitif Taksonomi Bloom mengikut dalam pengajaran.

1.9.9 Masa

Masa pengajaran ialah pelajar dapat menguasai sesuatu konsep atau kemahiran yang diajar oleh pensyarah mengikut masa yang telah diperuntukkan untuk setiap slot PdP. Pada kebiasaannya, pengajaran pensyarah adalah dipengaruhi oleh dua faktor masa iaitu masa yang diperuntukkan (*allocated time*) untuk mengajar sesuatu subjek, masa tugas (*time-on-task*) atau *engaged time* iaitu masa yang digunakan oleh pensyarah untuk mengajar dan masa belajar yang diperuntukkan kepada pelajar bagi menguasai ilmu pengetahuan atau kemahiran.





Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada masa iaitu masa pengajaran yang diperuntukkan kepada pensyarah berdasarkan peruntukan masa kuliah yang telah ditetapkan sebagaimana dalam jadual mengajar dan masa juga merujuk kepada keperluan pelajar untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah dengan berkualiti, pada masa yang sama dapat mencapai hasil pembelajaran kursus dengan berkesan.

1. 10 Batasan Kajian

Batasan kajian dibincangkan dalam kajian ini iaitu untuk mengehadkan kaedah pengukuran dan juga mengelakkkan kekurangan yang wujud semasa proses pengumpulan data dilaksanakan (Wiersma, 2000). Kajian ini lebih kepada berbentuk kuantitatif dengan melaksanakan penilaian ke atas seramai 297 orang pelajar Diploma PAKK UPSI yang aktif pengajian iaitu pelajar semester 4 dan semester 5 yang mana pelajar berada pada peringkat pengajian pada tahun kedua. Oleh kerana kutipan data yang dibuat kepada pelajar Diploma, maka dapatan kajian ini terbatas kepada pelajar PAKK sahaja.

Salah satu matlamat program PAKK di UPSI adalah untuk menghasilkan graduan yang berkualiti serta mempunyai pelbagai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang awal kanak-kanak bagi menempuh kerjaya sebagai pendidik, pengusaha, pengasuh atau usahawan dalam bidang awal kanak-kanak. UPSI telah merangka struktur program yang meliputi dua komponen iaitu teras dan elektif dalam program berkenaan. Jadi, kajian ini hanya menumpukan kepada amalan pengajaran pensyarah





PAKK sahaja yang meliputi pelbagai bidang kepakaran, namun pengajaran pensyarah dalam komponen kursus teras dan elektif serta pelbagai komponen tugas yang lain tidak dibincangkan dalam kajian ini.

Oleh yang demikian, hasil dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar PAKK di semua institusi yang lain. Pengkaji juga tidak mengambil faktor kecerdasan pelajar memandangkan kajian ini sememangnya berfokus kepada amalan pengajaran pensyarah PAKK sahaja.

1. 11 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mendapatkan info-info tentang perspektif pelajar PAKK terhadap amalan pengajaran pensyarah. Melalui kajian ini juga diharapkan semoga pelbagai pihak mendapat manfaat khasnya pensyarah PAKK di institusi pendidikan, pelajar PAKK di IPTA atau IPTS dan juga kepada guru-guru awal kanak-kanak.

Kajian ini dijalankan terhadap pensyarah PAKK yang mempunyai pelbagai latar belakang kepakaran dalam bidang PAKK dan pengalaman mengajar di UPSI. Perbezaan sedemikian sememangnya dapat memberi kepelbagaian dalam pengajaran dan memberi kesan kepada pembelajaran pelajar. Kajian ke atas kemampuan dan kepakaran pensyarah dinilai dari sudut proses pengajaran pensyarah yang khusus tentang bagaimana pengetahuan dan pengajaran pensyarah ditransformasikan secara berkualiti kepada murid (Shulman, 1987).





Melalui kajian ini, pensyarah dalam bidang PAKK di institusi pendidikan lain juga dapat mengubah gaya pengajaran yang lebih berkesan dan menambahbaik kemahiran serta pengetahuan masing-masing dalam mengendalikan proses PdP dengan lebih baik. Jika pelaksanaan pengajaran pensyarah tidak berkesan, bagaimana pelajar tersebut dapat mencapai tahap pencapaian *pointer* yang lebih tinggi dalam akademik serta bagaimana objektif pembelajaran yang dirancang dapat dicapai dengan sebaiknya jika bukan kualiti pengajaran yang diamalkan oleh pensyarah tersebut.

Selain itu, kajian ini juga memberi kepentingan kepada pelajar PAKK institusi yang lain dalam melalui proses pembelajaran berkesan yang diamalkan oleh pensyarah dalam melaksanakan pengajaran yang berkualiti. Pelaksanaan pengajaran yang diamalkan oleh pensyarah perlu diambilberat supaya penambahbaikan dapat dilakukan terutamanya dari segi kemahiran dan pengetahuan pensyarah semasa proses PdP berlangsung. Pelajar juga dapat mengubah gaya pembelajaran yang lebih berkesan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran PdP yang lebih menyeronokkan.

Kajian ini juga memberi manfaat kepada pensyarah-pensyarah awal kanak-kanak sebagai panduan dalam mengajar serta mengendalikan aktiviti PdP dengan lebih kreatif, sistematik dan terancang. Dengan adanya standard amalan pengajaran berkesan, pensyarah tadika dapat menjadikan pembinaan standard sebagai garis panduan yang bermanfaat di samping dapat mengenalpasti amalan pengajaran yang sesuai yang perlu diterapkan dalam PdP.





1.12 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini merumuskan secara terperinci tentang tujuan kajian yang mengkaji perspektif pelajar PAKK terhadap amalan pengajaran pensyarah PAKK. Pada keseluruhan bab ini menjelaskan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kerangka konseptual, definisi istilah dan juga kepentingan kajian. Kajian ini lebih menekankan kemahiran profesional pensyarah dari segi pelaksanaan pengajaran yang berkesan yang mana melibatkan kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran dan masa. Keseluruhannya, pensyarah yang dapat mengamalkan pengajaran yang baik dan berkesan bukan sahaja dapat mengukuhkan kefahaman dan pembelajaran pelajar tetapi juga dapat meningkatkan kepakaran serta kemahiran pensyarah dalam pengajaran, memberi sumbangan tenaga dan bahan bahkan terdapat banyak lagi kepentingan yang diperoleh oleh pelajar hasil daripada pengajaran berkesan. Bab 2 yang seterusnya pula akan membincangkan kajian literatur secara lebih mendalam.

